



10 Januari 2017
10 January 2017
P.U. (A) 15

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PENDAFTARAN MAJIKAN DAN PEMBAYARAN LEVI) (PINDAAN) 2017

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (REGISTRATION OF EMPLOYERS AND PAYMENT OF LEVY) (AMENDMENT) REGULATIONS 2017



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD 2001

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
(PENDAFTARAN MAJIKAN DAN PEMBAYARAN LEVI) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 [*Akta 612*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Pendaftaran Majikan dan Pembayaran Levi) (Pindaan) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 16 Januari 2017.

Pemotongan peraturan 3

2. Peraturan-Peraturan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Pendaftaran Majikan dan Pembayaran Levi) 2001 [*P.U. (A) 141/2001*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memotong peraturan 3.

Pindaan peraturan 4

3. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “Borang Pendaftaran Majikan dalam Borang 1, kepada Perbadanan,” dengan perkataan “Borang 1 Jadual kepada Perbadanan”; dan

(b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “Borang 1, kepada Perbadanan,” dengan perkataan “Borang 1 bersama dengan apa-apa dokumen yang berkaitan kepada Perbadanan”.

Pindaan peraturan 4A

4. Subperaturan 4A(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Borang 1A” perkataan “Jadual bersama dengan apa-apa dokumen yang berkaitan”.

Pindaan peraturan 5

5. Peraturan 5 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “Borang 1” perkataan “Jadual”;

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Perbadanan boleh pada bila-bila masa menukarkan Nombor Kod Majikan yang telah diuntukkan kepada majikan di bawah subperaturan (1).”; dan

(c) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “Nombor Kod Majikan” perkataan “yang diuntukkan di bawah subperaturan (1) atau ditukarkan di bawah subperaturan (1A)”.

Pindaan peraturan 6

6. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Borang 1 dan 1A” perkataan “Jadual”.

Pindaan peraturan 8

7. Peraturan 8 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menomborkan semula subperaturan (1) sebagai peraturan 8; dan

(b) dengan memotong subperaturan (2), (3), (4) dan (5).

Penggantian peraturan 9

8. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 9 dengan peraturan yang berikut:

“Levi, tunggakan levi dan faedah hendaklah dibayar di bank yang diluluskan

9. (1) Bagi maksud membuat pembayaran levi, tunggakan levi dan faedah kepada Perbadanan, jika ada, majikan hendaklah—

(a) menggunakan sistem perkhidmatan dalam talian yang disediakan dalam laman web rasmi Perbadanan;

(b) memasukkan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh sistem perkhidmatan dalam talian bagi membolehkan sistem perkhidmatan dalam talian itu menjana jumlah bayaran levi, tunggakan levi atau faedah yang kena dibayar; dan

(c) memilih kaedah pembayaran—

(i) dalam bentuk cek, cek bank, draf bank, kiriman wang, wang pos atau tunai; atau

(ii) dengan cara perbankan internet.

(2) Jika kaedah pembayaran yang dinyatakan dalam subperenggan (1)(c)(i) dipilih, majikan hendaklah meremitkan bayaran dalam bentuk cek, cek bank, draf bank, kiriman wang, wang pos atau tunai bersama dengan Borang 2 Jadual di bank yang diluluskan.

(3) Jika kaedah pembayaran yang dinyatakan dalam subperenggan (1)(c)(ii) dipilih, majikan hendaklah membayar levi, tunggakan levi atau faedah melalui perbankan internet yang disediakan oleh bank yang diluluskan.”.

Penggantian peraturan 10

9. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 10 dengan peraturan yang berikut:

“Bukti pembayaran

10. (1) Berhubung dengan pembayaran yang dibuat dalam bentuk cek, cek bank, draf bank, kiriman wang, wang pos atau tunai sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan 9(1)(c)(i), Borang 2 Jadual yang telah ditentukan oleh bank yang diluluskan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* yang levi, tunggakan levi atau faedah telah dibayar dan hendaklah diterima sebagai penerimaan pembayaran oleh Perbadanan.

(2) Berhubung dengan pembayaran yang dibuat dengan cara perbankan internet sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan 9(1)(c)(ii), slip rekod transaksi bank yang diluluskan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* yang levi, tunggakan levi atau faedah telah dibayar dan hendaklah diterima sebagai penerimaan pembayaran oleh Perbadanan.”.

Pindaan peraturan 11

10. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “yang hendaklah ditaksirkan sama ada oleh pegawai diberi kuasa atau pegawai Perbadanan” dengan perkataan “Jadual bersama dengan apa-apa dokumen yang berkaitan”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Tunggakan levi yang dikemukakan dalam Borang 3 di bawah subperaturan (1) hendaklah ditaksirkan oleh majikan tertakluk